

500,000 peluang kerja 2021

UM- 24/9/2021. m/s: 3


Oleh: MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan yakin sasaran 500,000 peluang pekerjaan bakal dicapai tahun ini selepas lebih 376,000 pencari kerja mendapat pekerjaan melalui 27 inisiatif dilaksanakan setakat 10 September lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kejayaan tersebut melebihi sasaran untuk sembilan bulan pertama tahun ini, iaitu 354,276 peluang pekerjaan sehingga 30 September ini.

Menurut beliau, perkara itu dimaklumkan dalam mesyuarat ketiga Majlis Pekerjaan Negara (NEC), semalam dipengerusikan beliau selain dianggotai 12 Menteri Kabinet,



ISMAIL SABRI YAAKOB

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan 12 wakil sektor swasta.

“Selain itu, kerajaan berjaya mewujudkan lebih 97,000 pekerjaan baharu melalui pelaburan dalam negara de-

ngan 76 peratus dalam kategori mahir dan separuh mahir.

“Jumlah tersebut adalah sebahagian daripada sasaran 160,000 pekerjaan baharu yang terhasil daripada komitmen pelaburan bagi tahun ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, bagi memperkasa tenaga kerja lebih berdaya tahan, kerajaan akan melaksanakan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional (NJCSP) yang disokong lima pakar pasukan khas di bawah NEC.

Beliau berkata, penciptaan pekerjaan di Malaysia juga dipertingkatkan melalui enam teras utama antaranya meningkatkan kerjasama antara industri dan akademik; memupuk bakat bagi memenuhi keper-

luan industri serta memperkasa usahawan tempatan untuk maju dalam ekonomi semasa.

Selain itu, kata Perdana Menteri, ia merangkumi teras memanfaatkan ‘ekonomi gig’ untuk pencarian peluang penjana pendapatan, memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden serta mempercepat penerapan amalan tempat kerja moden.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, antara cadangan NJCSP adalah pewujudan sebuah platform khusus bagi penyelarasan maklumat semua institusi TVET di Malaysia serta program-program dan peluang yang ditawarkan bagi memadankan mereka dengan institusi TVET yang sesuai untuk memudahkan pencarian kerjaya di masa hadapan.